



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 27 Januari 2022

1	Perhilitan buntu buru babi di Tanjung Kling
2	Bahaya lembu berkeliaran
3	Anak ayam berwarna jadi perhatian

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Perhilitan buntu buru babi di Tanjung Kling

MELAKA: Jabatan Perlindungan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) buntu dalam operasi memburu babi hutan yang mengganggu penduduk Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini, kerana gagal menemukan haiwan terbabit sejak petang kelmarin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Jawa-tankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Tanjung Kling, Khairulazni Baharuddin berkata, operasi menembak babi bermula pukul 5.30 petang hingga 11 malam, namun haiwan itu langsung tidak kelihatan.

“Pada awalnya, anggota Perhilitan meletakkan umpan dan menunggu tidak jauh dari situ untuk memancing babi keluar dari hutan dan mencari makan.

“Namun, setelah menunggu hampir dua jam, tidak nampak tanda-tanda pergerakan haiwan itu mencari umpan yang telah dipasang,” katanya

ketika dihubungi.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, kehadiran kumpulan babi hutan di Kampung Kelongkong bukan sahaja merisaukan penduduk sekitar, namun turut merosakkan tanaman seperti ubi, nanas dan juga pagar kebun peladang.

Lebih parah apabila ia juga didakwa mengejar kanak-kanak yang bermain di luar rumah termasuk penunggang motosikal.

Khairulazni menambah, operasi meredah hutan berhampiran hingga ke Balai Polis Tanjung Kling terpaksa dihentikan setelah hampir tujuh jam berlangsung.

“Saya sendiri pun hairan, anggota Perhilitan meredah hutan langsung tak jumpa sebarang jejak atau kelibat haiwan itu.

“Operasi menembak babi tersebut akan diteruskan hingga esok (Khamis). Jika gagal, Perhilitan akan memasang perangkap,” jelasnya.

41 kes kemalangan jalan raya disebabkan haiwan di Melaka

Bahaya lembu berkeliaran

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Melaka merekodkan sebanyak 489 kemalangan jalan raya disebabkan haiwan termasuk ternakan lembu yang dibiarkan berkeliaran oleh pemiliknya sepanjang 2021.

Ini bermakna, jika mengikut purata, hampir 41 nahas disebabkan haiwan berlaku di negeri ini pada setiap bulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua JSPT Melaka, Superintenden Hasan Basri Yahya berkata, sebanyak lima kemalangan direkodkan pada tahun lalu dengan dua di Alor Gajah dan tiga di Jasin.

"Sepanjang tahun lalu, JSPT merekodkan sebanyak 489 kemalangan jalan raya yang disebabkan haiwan termasuklah ternakan lembu.

"Lima kes turut menyebabkan kematian dan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, ekoran bunyi bising



BEBERAPA ekor lembu yang dibiarkan berkeliaran di jalan raya mencari makanan mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya di Jalan Merlimau-Jasin Melaka . - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD.

ekzos kendaraan lain dan si kap penternak tidak bertanggungjawab membikarkan lembu dibela berkeliaran, seorang lelaki dan anaknya nyaris maut selepas menjadi mangsa 'amukan' haiwan tersebut pada Jumat lalu.

Mangsa, Mohd. Kairulnizam Ablah berkata, sekumpulan

lembu yang berkeliaran di sekitar Jalan Ayer Molek-Tehel meluru secara tiba-tiba ke arahnya, dipercayai terkejut akibat bunyi bising ekzos sebuah kereta yang turut melalui kawasan tersebut.

Dalam pada itu, tambah Hasan Basri, sebanyak 19 kes kemalangan turut menyebab-

kan kecederaan parah kepada pengguna jalan raya dengan 11 kes berlaku di Jasin dan lapan di Alor Gajah di bawah Seksyen 43 (1) APJ 1987.

"Jumlah tertinggi kemalangan disebabkan haiwan berlaku di Alor Gajah dengan 243 kes, diikuti Jasin (190) dan Melaka Tengah (56).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27.1.2022	KOSMO	NEGARA	16

Anak ayam berwarna jadi perhatian

ALOR SETAR – Bermula dengan minat memelihara ayam, seorang peniaga, Muhammad Irwan Hazwan Abd. Aziz, 36, kini meraih pendapatan dengan menjual anak ayam berwarna-warni selepas mendapat sambutan di pasaran.

Anak ayam yang dijual itu mempunyai lebih 10 warna pilihan seperti ungu, kuning, hijau dan biru menarik perhatian ramai terutama kanak-kanak.

Menurut Muhammad Irwan Hazwan, dia menjual lebih 600 ekor anak ayam yang berwarna-warni itu setiap minggu.

Katanya, idea menjual anak ayam berwarna itu dibuat sejak 2013 dengan harga RM6 seekor.

"Sejak kecil saya berminat dengan haiwan ternakan seperti ayam dan saya bermula dengan menjual ayam eksotik sebelum mula mengkaji dan mempelajari proses menghasilkan anak ayam dengan bulu pelbagai warna.

"Saya pernah mencuba menabur pewarna pada bulu anak ayam tetapi warna tersebut hanya mampu bertahan beberapa hari saja, jadi saya belajar dan



MUHAMMAD IRWAN menunjukkan beberapa ekor anak ayam berwarna-warni di gerainya di Jalan Anak Bukit, Alor Setar.

dapatkan kemahiran untuk menyuntik telur dengan pewarna.

"Telur menetas dalam masa 21 hari, jadi telur berusia 17 hari saya suntik pewarna kerana mampu mengekalkan warna bulu antara dua hingga tiga bulan seiring dengan pembesaran mereka," katanya ketika ditemui

di gerainya di Jalan Anak Bukit di sini baru-baru ini.

Jelas Muhammad Irwan, proses penyuntikan warna pada telur ayam itu dilakukan di sebuah ladang di Kulim dekat sini dengan prosedur operasi standard ditetapkan dan selamat untuk dimakan apabila haiwan itu besar.